



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2023
DAN SANJUNGAN BUDI 2024
KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

11 JUN 2024 (SELASA)

9.00 PAGI - 1.00 TENGAHARI

**PUTRA HALL A, PUTRAJAYA INTERNATIONAL
CONVENTION CENTRE (PICC) W.P. PUTRAJAYA**

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam Malaysia
MADANI.

SALUTASI

(*Salutasi terkini disediakan secara berasingan*)

KATA ALU-ALUAN

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kerana pada hari ini kita semua diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul di Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2023 dan Sanjungan Budi (Persaraan) 2024 Kementerian Perpaduan Negara.

2. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur Majlis pada pagi ini kerana sudi menjemput saya untuk menyampaikan ucapan dan sijil penghargaan kepada semua penerima yang hadir dari seluruh negara. Dimaklumkan Majlis pada tahun ini diadakan secara berskala besar serta bersekali untuk meraikan warga kerja yang telah dipilih sebagai penerima APC 2023 dan pegawai yang bersara pada tahun 2024.

3. Sehubungan itu, saya amat berbesar hati untuk sama-sama menyempurnakan majlis APC 2023 dan Sanjungan Budi 2024 pada kali ini bagi meraikan seramai **567 penerima APC** dan **98 pesara** warga Kementerian dan Jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) yang telah memberikan sumbangan perkhidmatan dan menunjukkan prestasi yang cemerlang sepanjang tahun 2023.
4. Penganugerahan yang diberikan ini menunjukkan bahawa pengorbanan dan sumbangan yang telah anda berikan semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam adalah dihargai dan tidak pernah dilupakan oleh kerajaan. Penjawat awam merupakan agen perantara di antara rakyat dan kerajaan. Mereka adalah aset penting kerajaan dan perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam setiap tugas yang diamanahkan demi kesejahteraan rakyat.
5. Penganugerahan seperti ini tidak hanya membuktikan dedikasi dan komitmen pegawai dalam melaksanakan tugas sehari-hari bahkan memperlihatkan kesungguhan pegawai untuk sentiasa berada pada tahap prestasi yang optimum dan melaksanakan tugas melangkaui jangkaan.

6. Saya ingin mengingatkan kepada semua bahawa penganugerahan dan penghargaan ini bukanlah satu kayu pengukur bahawa kita telah mencapai kecemerlangan yang tertinggi. Masih banyak yang boleh disumbangkan, idea bernas yang boleh dikupas dan khidmat bakti yang perlu dicurahkan demi kementerian dan jabatan dalam menuju kecemerlangan memacu negara MADANI. Sifat inginkan kecemerlangan perlu hadir dalam diri dan jiwa setiap individu. Jadikan penganugerahan ini sebagai satu cabaran dan inspirasi semua warga kerja dalam usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan.
7. Oleh itu, sebagai penjawat awam yang telah dilantik untuk berkhidmat dalam kerajaan, anda haruslah melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan sepenuh hati. Selaras dengan frasa '**Saya yang menjalankan amanah**', kita perlu menghayati bahawa setiap perintah, tugasan dan tanggungjawab ialah amanah yang perlu digalas sebaik mungkin.
8. Amanah dalam konteks ini bermaksud rela dan berusaha melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diberi dalam batas kuasa ditentukan dengan penuh gigih, selain ikhlas bagi mencapai matlamat

ditetapkan.

9. Kementerian amat memerlukan warga kerja yang professional, progresif, kreatif, inovatif dan berketerampilan serta bijaksana untuk bersama-sama menjayakan semua dasar kerajaan.

PENCAPAIAN KPN 2023 DAN FOKUS 2024

Para hadirin sekalian,

10. Melihat kepada pencapaian Kementerian tahun 2023, Kementerian telah **berjaya melaksanakan sebanyak 661 program** sepanjang tahun melalui agensinya.
11. Syabas dan tahniah atas komitmen yang telah diberikan oleh seluruh warga kementerian dan agensi-agensi dalam menjayakan program pada tahun 2023. Saya amat berbangga dengan pencapaian ini.
12. Kini peranan Kementerian telah menjadi semakin penting dan besar sejak terbentuknya Kerajaan Perpaduan di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan pewujudan semula Kementerian Perpaduan Negara dengan kemasukan beberapa agensi baharu yang mempunyai hubung

kait dengan agenda perpaduan. Bagi merealisasikan objektif dan hala tuju Kerajaan Perpaduan (MADANI) dalam agenda perpaduan negara melalui Kementerian ini, setiap inisiatif dan program yang dirancang haruslah realistik dan menyeluruh supaya dirasai oleh semua lapisan masyarakat khususnya komuniti setempat.

13. Tugas dan amanah yang digalas harus diteruskan. Pada tahun ini, Kementerian telah mengenalpasti beberapa **fokus utama bagi memperkuuh perpaduan negara**. Antara fokus Kementerian pada tahun ini adalah:
 - i. Pemerkasaan Kawasan Rukun Tetangga Progresif;
 - ii. Penghayatan Terhadap Rukun Negara;
 - iii. Penyuburan Minat Terhadap Warisan dan Budaya Negara;
 - iv. Meningkatkan Keharmonian Antara Penganut Agama;
 - v. Memacu Agenda Digital Negara; dan
 - vi. Membangunkan Malaysia Sebagai Hub Kesukarelawan.

14. Sehubungan itu, saya **mengharapkan kerjasama dan komitmen** warga kementerian dan jabatan di bawah KPN agar sentiasa menyokong dan komited dalam melaksanakan misi dan visi kementerian bagi mengukuhkan semangat perpaduan, kebersamaan dan muhibbah dalam kalangan semua warga. Saya percaya anda akan melakukan yang terbaik dalam mencapai aspirasi ini.
15. **Usaha dan nilai perpaduan juga seharusnya diterapkan dalam amalan budaya kerja.** Perpaduan merupakan asas utama yang berupaya mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan menguatkan hubungan antara sesama rakan sekerja.
16. Sepertimana semua sedia maklum, Kementerian baru sahaja selesai melaksanakan acara besar tahunan, Sambutan Minggu Perpaduan (SMP) 2024 Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan di Dataran Angsana Mall, Johor Bahru, Johor. Sambutan selama 4 hari bermula 23-26 Mei 2024 yang sangat menggalakkan telah **berjaya mencatat kehadiran pengunjung berjumlah 117,557 orang.**
17. Di samping itu, Kementerian ini sekali lagi berjaya mendapat **pengiktirafan oleh Malaysia Book of**

Records melalui penyertaan peserta paling ramai dalam aktiviti makan kacang pool. Ia menandakan komitmen dalam menghargai dan memelihara keunikan adat budaya warisan setiap kaum sebagai aset negara yang memperkuuhkan identiti serta kesatuan masyarakat Malaysia.

18. Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sambutan Minggu Perpaduan 2024 Peringkat Kebangsaan yang berjaya mencapai objektif penganjurannya. Semoga kecemerlangan ini akan diteruskan bukan sahaja dalam penganjuran SMP malah dalam penganjuran program-program lain Kementerian ini.

ALAM PERSARAAN

Para hadirin sekalian

Saya ingin memberi sedikit pesanan kepada para pesara,

19. Perubahan merupakan satu proses yang mungkin sukar diadaptasi. Proses perpindahan dari alam pekerjaan kepada persaraan, merupakan fitrah perjalanan karier seseorang yang sememangnya perlu ditempuhi. Mungkin ada di antara tuan/puan yang

masih lagi merasai keseronokan suasana bekerja, namun fasa persaraan perlu dilihat sebagai peluang untuk memperoleh sesuatu yang baharu seperti mencuba hobi yang tidak pernah dilakukan atau meneruskan minat yang telah lama terpendam contohnya fotografi, menulis, melukis atau mungkin menjadi usahawan. Oleh itu, adalah penting untuk tuan/puan bersedia daripada pelbagai aspek terutama dari segi kesihatan dan kewangan dalam menghadapi proses penyesuaian diri ini.

20. Persaraan juga tidak bermakna sumbangan terhadap negara telah berakhir. Segala kemahiran, kepakaran dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat dalam perkhidmatan awam boleh menjadi aset untuk terus bergiat aktif dan menyumbang terutamanya kepada masyarakat misalnya melalui kegiatan NGO atau lain-lain platform yang sesuai. Bahkan tuan/puan boleh **menjadi agen perpaduan** untuk bersama-sama membantu dan menyokong agenda perpaduan negara.
21. Bak kata pepatah inggeris “***don't simply retire from something; have something to retire to***” memberi inspirasi untuk memanfaatkan persaraan ini sebaiknya, sama ada dengan berehat secara sihat sambil

meluangkan masa yang berkualiti bersama keluarga tersayang, atau dengan melakukan aktiviti yang memberi nilai tambah kepada masyarakat.

22. Walaupun tidak lagi berkhidmat sebagai penjawat awam, tuan/puan merupakan aset paling berharga untuk pihak kerajaan. Segala pengalaman, pengetahuan dan pengorbanan anda semua amat tinggi nilainya dan sangat diperlukan lebih-lebih lagi kepada golongan muda yang sentiasa memerlukan bimbingan dan sokongan.

PENUTUP

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

23. Akhir kata, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah sekali lagi kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2023 dan pesara Sanjungan Budi 2024.
24. Semoga APC dan Anugerah Sanjungan Budi ini akan memberikan motivasi kerja dan impak positif kepada semua warga Jabatan dan juga Agensi di bawah KPN dalam membentuk ekosistem pekerjaan yang cemerlang dan selaras dengan halatuju Kementerian

dan kerajaan serta menyokong aspirasi Malaysia MADANI.

25. Saya juga menyeru agar semua warga Kementerian, Jabatan dan juga Agensi di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN) untuk terus memberikan perkhidmatan yang efektif, berakauntabiliti, berintegriti, amanah dan progresif.
26. Marilah kita semua berganding bahu bersatu padu dalam membina suasana kerja **konsep ‘Perpaduan Dalam Kepelbagaian’** bagi menyusun agenda perpaduan dengan lebih berpandukan Dasar Perpaduan Negara.
27. Jika mengimpikan kejayaan, ia wajar bermula dengan perancangan awal, dimulai dengan diri kita sendiri untuk membudayakan nilai kecemerlangan, meneroka ilmu pengetahuan dan membina potensi diri yang luar biasa.

Akhir kata, Salam Malaysia Madani, Salam Segulai Sejalai dan terima kasih.